

12 JAN 2004

Bas-Terminal

SEBUAH LAGI TERMINAL BAS EKSPRES DIBINA DI LEMBAH KLANG

KUALA LUMPUR, 12 Jan (Bernama) -- Pengguna pengangkutan awam di Lembah

Klang kini mempunyai sebuah lagi terminal bas ekspres yang lebih selesa dan

luas untuk ke destinasi di seluruh Semenanjung dan Singapura.

Pengerusi Lembaga Pelesenan Kenderaan Perdagangan Datuk Raja Ahmad

Zainuddin Raja Omar berkata terminal itu yang terletak berhampiran Jalan

Imbi di sini akan mula beroperasi 15 Jan ini.

Syarikat bas Intrakota Sdn Bhd dan Putra Liner telah bersetuju untuk

menyediakan perkhidmatan sokongan dengan menurunkan dan mengambil penumpang

di terminal itu, katanya pada sidang media selepas melawat terminal itu di

sini, hari ini.

Terminal berharga kira-kira RM 1 juta itu terletak di Pasar Rakyat yang

dirasmikan oleh bekas Perdana Menteri Tun Dr Mahathir Mohamad pada Januari

2002.

Raja Ahmad Zainuddin berkata terminal bas itu merupakan satu lagi

alternatif terminal pengangkutan awam selain di Puduraya, Jalan Duta dan

Hentian Putra.

Terminal itu kini mempunyai 18 ruang meletak bas yang boleh dibesarkan

lagi untuk menampung 100 buah bas dan mempunyai perkhidmatan teksi berkupon.

Beliau berkata antara syarikat bas yang akan beroperasi di terminal itu

ialah Transnasional, Park May, Nice dan Gunung Raya Ekspres.

"Mereka dikenakan kos perkhidmatan kaunter kira-kira RM 600 sebulan dan

terdapat 60 kuanter di terminal itu," katanya.

-- BERNAMA

HM KK AHH PR